

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sistem aliran kerja dalam hospital Kerajaan untuk menangani masalah pesakit di unit kecemasan dan pesakit luar (Out Patients) menunggu lama sebelum dirawat. Adakah kemudahan infrastruktur, seperti kerusi yang mencukupi, tandas yang bersih dan sebagainya, dikawal selia dan dipantau oleh Kementerian Kesihatan supaya pesakit boleh menunggu giliran rawatan dalam keadaan selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan di semua fasiliti kesihatan Kerajaan. Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah merupakan salah satu pintu masuk utama bagi kemasukan pesakit ke hospital. Setiap pesakit yang mengunjungi Jabatan ini, mereka akan disaring menggunakan sistem *Malaysian Triage Category* bagi menilai tahap ketenatan pesakit. Ianya terbahagi kepada tiga kategori iaitu Merah (kritikal), Kuning (separa kritikal) dan Hijau (tidak kritikal).

SOALAN NO : 29

Proses saringan ini amat penting untuk memastikan pesakit mendapat rawatan yang sewajarnya pada masa yang ditetapkan dan bukan berdasarkan konsep *first come, first served*. Selepas saringan dilakukan, tempoh masa untuk pesakit diberikan rawatan adalah berdasarkan kategori tersebut di mana bagi kategori Merah (kritikal), pesakit akan dilihat dan dirawat serta merta, kategori Kuning (separa kritikal) akan dilihat dalam tempoh masa kurang dari 30 minit manakala kategori Hijau (tidak kritikal) adalah kurang dari 90 minit.

Tempoh masa ini adalah piawaian yang telah ditetapkan di setiap Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital-hospital KKM. Namun demikian, dengan peningkatan beban kerja di Jabatan Kecemasan dan Trauma, isu masa menunggu terutama bagi kategori Hijau tetap ada. Bagi mengatasi masalah ini, inisiatif *Lean* telah dijalankan bagi mengurangkan masa menunggu pesakit.

Pada masa ini, setiap Jabatan Kecemasan dan Trauma turut disediakan kerusi kepada pesakit sementara menunggu giliran untuk menerima rawatan dan waris yang mengiringi pesakit hendaklah memberi keutamaan kepada pesakit. Infrastruktur lain seperti kemudahan tandas turut disediakan dan kerja pembersihan adalah dilaksanakan oleh pihak konsesi. KKM sentiasa komited dalam memastikan kemudahan yang disediakan kepada pesakit berada dalam keadaan terbaik.

Sekian, terima kasih.